HARGA MINYAK DUNIA

| West Texas Intermediate | Brent North Sea Crude |
|---|---|
| AS$46.52 (RM198.48) | AS$51.50 (RM219.73) |

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

# Etika meraikan pelanggan setia

**KUALA LUMPUR** – Etika Sdn. Bhd. (Etika), pemasar dan pengedar minuman Wonda Coffee, memberi penghargaan kepada para pelanggan setianya dengan melaksanakan kempen ganjaran menarik di beberapa lokasi terpilih.

Naib Presiden Pemasarannya, Santharuban T. Sundaram berkata, langkah tersebut adalah merupakan sebahagian daripada promosi berterusan yang diadakan syarikat bersempena sambutan Hari Wonda Coffee Antarabangsa.

"Di Etika, kami sentiasa berusaha mencari kaedah berbeza yang melibatkan pelanggan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Antara promosi yang ditawarkan Wonda Coffee bagi kempen tersebut adalah di Kedai Mesra Petronas, di mana pelanggan perlu membeli dua tin Wonda Coffee dalam satu resit.

Mereka kemudian perlu menghantar pesanan ringkas mengenai butiran berkenaan untuk merebut peluang memenangi petrol percuma yang bernilai RM5,000.

Turut ditawarkan adalah tiket wayang percuma bagi setiap individu yang menunjukkan kad TGV Cinemas MovieClub atau mendaftar sebagai ahli kad tersebut ketika membeli setin Wonda Extra Presso.

Kedua-dua promosi itu berlangsung bermula Isnin lalu hingga 31 Ogos 2017.

Selain itu, bermula dari 28 Ogos hingga 1 September 2017, para pelanggan juga berpeluang menikmati tawaran beli dua percuma dua di kedai Shell Select, beli dua percuma satu di rangkaian serbaneka KK Mart, pembelian Wonda Coffee pada harga RM1.20 setin di 7- Eleven serta pek Edisi Khas Rangkaian WONDA 100% Arabica apabila membuat tempahan aplikasi Grab.

Akhir sekali, bermula 28 Ogos hingga 10 September ini, pelanggan yang membeli mana-mana *Domino's 2 Pizza Deals with Extra Cheese* Domino's Pizza boleh mendapatkan dua tin WONDA Extra Presso secara percuma.




HARI Wonda Coffee Antarabangsa menyediakan pelbagai ganjaran menarik kepada pelanggan setiap jenama kopi terkemuka tersebut.

## Menyediakan sehingga 700,000 tan metrik gas asli cecair bagi tempoh 15 tahun

# Petronas bekal LNG kepada S-OIL

**KUALA LUMPUR** – Petronas LNG Ltd. (PLL), anak syarikat milik Petronas, memeterai perjanjian jual beli (SPA) dengan S-OIL Corporation (S-OIL) bagi membekalkan gas asli cecair (LNG) yang akan digunakan untuk operasi loji baharu S-OIL serta sebagai bahan mentah pengeluaran hidrogennya.



AHMAD ADLY

Di bawah perjanjian jangka panjang itu, PLL komited untuk menyediakan sehingga 700,000 tan metrik setahun LNG kepada S-OIL bagi tempoh 15 tahun bermula 2018.

Pengerusi PLL merangkap Naib Presiden Pemasaran dan Dagangan LNG Petronas, Ahmad Adly Alias berkata, langkah tersebut membuktikan tumpuan Petronas dalam membina hubungan jangka panjang dengan rakan kongsinya.

"Kami berharap untuk mewujudkan lebih nilai dengan S-OIL bagi memastikan kami dapat membawakan penyelesaian paling komprehensif.

"Sehingga kini, kami telah berjaya menyampaikan barangan kargo tanpa gagal dan akan terus memastikan keselamatan bekalan serta kebolehpercayaan dalam kalangan para pembeli," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan di sini semalam.

Disokong oleh pengalaman selama lebih 30 dalam sektor LNG, Petronas telah diperakui sebagai pembekal LNG paling boleh dipercayai dan fleksibel yang beroperasi dari pangkalan bekalan utamanya di Bintulu, Sarawak.

S-OIL merupakan syarikat penapisan minyak yang beribu pejabat di Seoul, Korea Selatan yang ditubuhkan pada tahun 1976.

Ia terlibat dalam pengeluaran petroleum, petrokimia dan produk pelincir.

Terdahulu, satu majlis permeteraian perjanjian antara kedua-dua pihak telah diadakan di sini pada 25 Ogos lepas.

Ia disempurnakan oleh Ahmad Adly, manakala S-OIL diwakili oleh Presiden Strategi Korporat dan Perkhidmatannya, Dr. Ryu Yul.

# Maxis lancar portal pendidikan eKelas

**KUALA LUMPUR** – Maxis Bhd. (Maxis), melancarkan portal pendidikan eKelas yang membolehkan lebih ramai pelajar menimba ilmu menerusi teknologi.

Pengerusinya, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, portal yang merupakan lanjutan daripada Program eKelas Maxis itu memberi akses kandungan pembelajaran berasaskan awan kepada pelajar.

"Teknologi dan internet mengubah cara kita berkomunikasi dan mengakses maklumat

"Oleh itu portal ini menawarkan kandungan yang mengupayakan pelajar untuk belajar mengikut tahap dan pemahaman masing-masing, selain mengajar mereka untuk berdikari," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.




PROGRAM eKelas Maxis bertujuan membantu pelajar di kawasan luar bandar mempertingkatkan keupayaan akademik mereka secara digital.

Raja Arshad berkata, program eKelas merupakan inisiatif pembelajaran digital selepas sekolah yang bermatlamat untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar luar bandar dengan memberi tumpuan kepada tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Inggeris, matematik dan sains bagi Tingkatan Satu, Dua dan Tiga.

"Selari dengan sukatan sekolah Malaysia, eKelas menawarkan gabungan tutorial, pembelajaran kumpulan dan kandungan digital interaktif yang disampaikan menerusi Pusat Internet 1Malaysia (PI1M), pusat jalur lebar komuniti yang berperanan sebagai hab digital untuk penduduk di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan," katanya.

Beliau memaklumkan, setakat ini lebih 2,400 pelajar sudah pun menyertai tutorial secara langsung yang disediakan menerusi 20 PI1M seliaan Maxis di seluruh negara.

## RINGKAS

### MRCB rekod perolehan RM1.28 bilion

**KUALA LUMPUR** – Malaysian Resources Corporation Bhd. (MRCB) mencatatkan pertumbuhan perolehan sebanyak 55 peratus kepada RM1.28 bilion bagi tempoh enam bulan pertama berakhir 30 Jun 2017.

Tanpa mengambil kira pulangan pelupusan sebanyak RM44.4 juta daripada penjualan aset bukan teras pada tahun 2016, Kumpulan itu merekodkan pertumbuhan sebanyak 32 peratus dalam keuntungan sebelum cukai berjumlah RM63.4 juta.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din berkata, prestasi yang lebih kukuh itu dipacu oleh peningkatan perolehan sebanyak 110 peratus dalam cabang kejuruteraan, pembinaan dan persekitaran kumpulan.

"Bahagian pembangunan hartanah dan pelaburan merekodkan peningkatan perolehan sebanyak 29 peratus, disumbangkan oleh pembangunan Sentral Residences dan Eastern Burwood Development di Melbourne, Australia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

### MSM catat kerugian RM28.6 juta

**KUALA LUMPUR** – MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), mencatatkan kerugian sebelum cukai bernilai RM28.59 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2017 berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM31.07 juta pada tempoh sama tahun lepas.

MSM dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia berkata, perolehan meningkat kepada RM692.45 juta daripada RM633.85 juta bagi tempoh yang sama.

"Kos purata gula mentah yang ditanggung syarikat meningkat 54 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu disebabkan harga pasaran gula mentah lebih tinggi.

"Selain itu, penurunan harga pasaran gula semasa kira-kira 13.75 sen setiap paun telah menjejaskan prestasi kewangan syarikat," katanya.

Menurut MSM, bagi tempoh suku itu, harga gula mentah meningkat kepada 20.54 sen setiap paun. – Bernama